

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans motor anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Kereta Persendirian Pihak Ketiga ini?

Kereta Persendirian Pihak Ketiga ialah polisi insurans kereta persendirian terhadap liabiliti kepada pihak ketiga akibat kecederaan tubuh badan, kematian dan kerosakan harta benda.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM382.60** setahun (termasuk cukai perkhidmatan dan duti setem), anda akan menerima perlindungan berikut:

Anggaran premium: Lelaki, tiga puluh (30) tahun, Perodua Myvi, 2013

Jumlah Diinsuranskan / Perlindungan	RM0
Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)	0%
*Perlindungan Tambahan (Jika dibeli dengan premium tambahan)	<ul style="list-style-type: none">Liabiliti penumpang di sisi undang-undang kerana perbuatan cuai (LLOP)Liabiliti dari segi undang-undang terhadap penumpang (LLP)

Polisi anda melindungi:

Perlindungan	Jumlah Diinsuranskan
Liabiliti kepada pihak ketiga akibat kecederaan tubuh badan atau kematian	Tanpa had
Liabiliti kepada pihak ketiga akibat kerosakan harta benda	Sehingga RM3 juta

Polisi motor anda **tidak melindungi** *:

- Kematian atau kecederaan tubuh badan anda akibat kemalangan motor;
- Liabiliti terhadap tuntutan daripada penumpang dalam kenderaan anda;
- Susut nilai, haus dan lusuh, karat dan hakisan, atau kerosakan atau kepincangan tugas (malfungsi) mekanikal / elektronik;
- Kerugian akibat anda atau pemandu dibenarkan anda di bawah pengaruh alkohol atau dadah;
- Kerugian akibat pemandu tidak dibenarkan anda;
- Kerugian akibat konvulsi alam semula jadi seperti banjir, taufan, ribut, tanah runtuh dan sebagainya;
- Kerugian akibat perang, tindakan keganasan, mogok, rusuhan atau kekacauan awam;
- Ekses kenderaan dan ekses wajib anda adalah amaun pertama yang perlu ditanggung oleh pihak yang diinsuranskan terlebih dahulu bagi setiap tuntutan.

*Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat di bawah polisi ini.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 88 8990



Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my



Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans motor ini, anda mesti membayar premium berikut:	
Premium Asas	RM303.75
(-) 0% Kelayakan NCD	RM0.00
(+) Perlindungan Tambahan	RM41.25
Premium Kasar	RM345.00
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM27.60
(+) Duti Setem	RM10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM382.60
Di mana ini termasuk:	
Komisen	10% daripada Premium Kasar atau RM34.50

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Premium ini adalah sah setakat 01/11/2025.



MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA TAHU

A	Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.
B	Insurans ini hanya berkuat kuasa selepas premium telah dibayar sepenuhnya (cash before cover).
C	Sekiranya berlaku kemalangan, anda perlu memaklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh berbuat demikian dengan: <ul style="list-style-type: none">• Buat laporan polis untuk segala kejadian. Untuk kemalangan di jalan raya, laporkan kepada pihak polis dalam masa dua puluh empat (24) jam.• Maklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari selepas kejadian tersebut. Isikan borang tuntutan dengan lengkap dan kembalikan kepada kami dengan dokumen berkenaan dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemberitahuan.• Sila muat turun aplikasi Liberty One Touch App untuk berhubung terus dengan kami atau dail 1 300 88 8990 untuk bantuan.
D	Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) akan diberikan setiap kali polisi diperbaharui jika anda telah menginsuranskan kenderaan anda selama dua belas (12) bulan secara berterusan dan anda tidak membuat apa-apa tuntutan terhadap polisi ini dalam tempoh tersebut. Diskaun Tanpa Tuntutan ini akan meningkat setiap tahun polisi diperbaharui selagi anda terus tidak membuat tuntutan. Jika anda membuat tuntutan terhadap polisi ini, kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan yang anda telah kumpulkan akan menjadi sifar semasa pembaharuan seterusnya dan proses mengumpul Diskaun Tanpa Tuntutan anda terpaksa dimulakan semula.



Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan, anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium (jika berkenaan).
- Kemungkinan tidak ada bayaran balik premium jika **hanya** premium minimum dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.